

PENGLIBATAN IBU BAPA, SOKONGAN SOSIAL DAN KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI REMAJA

PARENT INVOLVEMENT, SOCIAL SUPPORT AND ADOLESCENTS PSYCHOLOGICAL WELLBEING

Zarinah Arshat¹
Rozana Japara²

Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
Email: zarinah_upm@upm.edu.my¹, rozanajapara@yahoo.com²

Accepted date: 15 April 2018

Published date: 28 June 2018

To cite this document: Arshat, Z., & Japara, R. (2018). Penglibatan Ibu Bapa, Sokongan Sosial dan Kesejahteraan Psikologi Remaja. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3 (12), 37-45.

Abstrak: Penglibatan ibu bapa dan sokongan sosial didapati mempunyai pengaruh yang penting ke atas kesejahteraan psikologi dalam kalangan remaja. Oleh yang demikian kajian ini dijalankan untuk menentukan adakah pernyataan di atas benar untuk remaja yang tinggal di Lahad Datu, Sabah. Instrumen Parental Involvement Questionnaire, Multidimensional Scale of Perceived Social Support dan Ryff's Psychological Well Being telah digunakan untuk mengukur variabel dalam kajian. Hasil kajian menunjukkan penglibatan ibu bapa mempunyai perkaitan signifikan yang positif dengan kesejahteraan psikologi remaja. Namun, sokongan sosial tidak mempunyai perkaitan yang signifikan dengan kesejahteraan psikologi remaja. Remaja lelaki dan perempuan dalam kajian ini mempunyai persepsi yang sama terhadap penglibatan ibu bapa, sokongan sosial dan kesejahteraan psikologi. Kajian ini menyimpulkan bahawa penglibatan ibu bapa memainkan peranan yang sangat penting dalam mempengaruhi tahap kesejahteraan psikologi remaja.

Kata Kunci: Penglibatan Ibu Bapa, Sokongan Sosial, Kesejahteraan Psikologi, Remaja

Abstract: Parental involvement and social support are found to have an important influence on psychological well-being among adolescents. Therefore, this study is conducted to determine whether the above statement is true for adolescents living in Lahad Datu, Sabah. The instruments of Parental Involvement Questionnaire, Multidimensional Scale of Perceived Social Support and Ryff's Psychological Well Being have been used to measure variables in the study. The results showed that parental involvement had a significant positive relationship with the psychological wellbeing of adolescent. However, social support has no significant association with the psychological wellbeing of adolescent. Male and female adolescents in this study have the same perception of parental involvement, social support and psychological well-being. This study concludes that parental involvement plays an important role in influencing the level of wellbeing of adolescent psychology.

Pendahuluan

Kesejahteraan psikologi merujuk kepada bagaimana individu menilai diri dan keupayaan mereka untuk memenuhi aspek tertentu dalam kehidupan mereka seperti dalam soal hubungan, sokongan, dan kerja (Cripps & Zyromski, 2009; Flouri & Buchanan, 2003). Kesejahteraan psikologi juga dilihat sebagai fungsi kontekstual dan tahap penentuan sendiri seseorang individu (Deci & Ryan, 2000). Remaja yang mempunyai kesejahteraan psikologi yang rendah boleh menyebabkan perasaan kurang gembira, kurang kepuasan didalam kehidupannya dan mempunyai estim diri yang rendah yang akan menyebabkan remaja itu menghadapi tahap tekanan yang tinggi (Amato, 1994)

Sokongan dan penglibatan daripada ibu bapa diperingkat remaja adalah sangat penting Menurut Sharma dan Kaushik (2016) ibu bapa yang meluangkan banyak masa yang berkualiti dengan anak menggambarkan tahap penglibatan ibu bapa yang tinggi dalam kehidupan anak. Keadaan ini akan memberi kesan yang positif ke atas perkembangan anak. Perlakuan atau sikap yang ditunjukkan oleh ibu dari aspek emosi akan mempengaruhi hubungan antara ibu bapa dan anak dan secara tidak langsung akan mempengaruhi emosi remaja (Steinberg, 2001). Kajian oleh Flouri dan Buchanan (2003) ke atas 2,722 remaja British yang berumur 14 hingga 18 tahun mendapati tahap penglibatan ibu bapa dalam kehidupan remaja yang tinggi akan memberi kesan yang positif ke atas kesejahteraan psikologi remaja.

Penyelidik terdahulu telah mendapati bahawa sokongan sosial boleh mencegah dan mengurangkan tekanan (Sharma & Kaushik, 2016). Rangkaian sosial yang luas dapat membantu seseorang individu dalam menghadapi keadaan buruk dan akan lebih berdaya tahan kepada keadaan tertekan (Sharma & Kaushik, 2016). Sokongan sosial yang tinggi mampu mengurangkan masalah psikologi dalam kehidupan remaja (Lakey & Cohen, 2000). Kajian oleh Eskin (2003) mendapati kurangnya sokongan sosial sangat berkait rapat dengan masalah psikologi seperti kemurungan, kesunyian dan juga ketakutan. Menurut Steese, Dollete, Phillips, Matthews, Hossfeld dan Taormina (2006) sokongan sosial adalah faktor yang melindungi dan akan mengurangkan masalah dalam kalangan remaja atau pelajar seperti masalah tekanan. Kurangnya sokongan sosial daripada ibu bapa menyebabkan remaja lebih cenderung mendapatkan sokongan sosial daripada rakan-rakan mereka (Roeser, Eccles, Sameroff, 2000). Ianya mungkin disebabkan oleh faktor masa, ibu bapa yang sibuk bekerja dan mengabaikan tanggungjawab terhadap anak-anak. Sokongan sosial yang tinggi daripada keluarga dan rakan-rakan akan mengurangkan masalah psikologi dalam kalangan pelajar sekolah (Calvete & Connor-Smith, 2006).

Masalah atau gangguan psikologi lebih banyak berlaku kepada kaum wanita berbanding kaum lelaki (Dwairy, Achoui, Filus, Nia, Casullo, & Vohra, 2010). Walau bagaimanapun kajian oleh Sauthar (2016) mendapati remaja perempuan dan lelaki mempunyai persepsi yang sama terhadap kesejahteraan psikologi. Kajian oleh Rozumah, Yeng Chiah dan Nor Shereen (2012) yang melibatkan remaja di Malaysia mendapati jantina anak merupakan moderator kepada hubungan ibu bapa anak. Ini menunjukkan bahawa kemungkinan penglibatan ibu bapa dengan anak perempuan dan anak lelaki mungkin berbeza di Malaysia. Kajian oleh Sharma dan Kaushik (2016) yang melibatkan remaja berumur dalam lingkungan 10 tahun hingga 19 tahun mendapati bahawa remaja perempuan lebih memerlukan sokongan sosial daripada remaja lelaki.


Objektif Kajian

Secara umumnya objektif kajian ini adalah untuk menentukan perkaitan antara penglibatan ibu bapa, sokongan sosial dan kesejahteraan psikologi remaja. Selain itu kajian ini juga dijalankan untuk menentukan perbezaan penglibatan ibu bapa, sokongan sosial dan kesejahteraan psikologi antara remaja perempuan dan lelaki. Bagi mencapai objektif kajian ini hipotesis nul telah dibentuk seperti dibawah:

- H₀₁: Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara penglibatan ibu bapa dan kesejahteraan psikologi remaja.
- H₀₂: Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara sokongan social dan kesejahteraan psikologi remaja.
- H₀₃: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam penglibatan ibu bapa antara remaja lelaki dan perempuan.
- H₀₄: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam sokongan sosial antara remaja lelaki dan perempuan.
- H₀₅: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kesejahteraan psikologi antara remaja lelaki dan perempuan.

Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1 merupakan kerangka konseptual kajian. Pembolehubah bebas kajian ialah penglibatan ibu bapa dan sokongan sosial. Manakala pembolehubah bersandar ialah kesejahteraan psikologi remaja.



Rajah 1: Kerangka Koseptual Kajian ‘Penglibatan Ibu Bapa, Sokongan Sosial dan Kesejahteraan Psikologi Remaja’

Metodologi Kajian

Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian adalah merupakan satu bentuk rangka atau struktur yang digunakan untuk menjawab soalan-soalan kajian daripada pernyataan masalah. Hal ini penting untuk memastikan keputusan kajian ini adalah konsisten dan selaras dengan objektif dan hipotesis sehingga data analisis akhir. Kajian telah menggunakan reka bentuk tinjauan keratan rentas Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk menentukan perkaitan antara penglibatan ibu bapa dan sokongan

sosial dengan kesejahteraan psikologi dalam kalangan remaja. Berdasarkan objektif kajian ini, kajian korelasi telah digunakan untuk menerangkan hubungan antara dua pembolehubah bagi menentukan hubungan antara pembolehubah. Selain itu, kajian ini akan dijalankan dengan mengedarkan set borang soal selidik kepada pelajar sekolah menengah yang telah dipilih di Lahad Datu untuk mengumpul semua maklumat yang berkaitan dengan kajian ini.

Sampel Kajian

Kajian ini melibatkan seramai 300 orang remaja yang dipilih menggunakan kaedah persampelan rawak mudah. Remaja yang terlibat dalam kajian ini berumur antara 13 hingga 16 tahun yang tinggal dikawasan luar bandar, Lahad Datu, Sabah. Kajian ini hanya memfokuskan kepada pelajar didua buah sekolah menengah kebangsaan dibawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di Sabah sahaja. Daripada 300 orang remaja yang terlibat dalam kajian ini seramai 177 orang adalah remaja perempuan dan selebihnya (123 orang) adalah remaja lelaki.

Pengumpulan Data

Data telah dikumpulkan menggunakan borang soal selidik yang dijawab sendiri oleh responden. Borang soal selidik ini terbahagi kepada empat bahagian. Bahagian A mengandungi latar belakang remaja dan latar belakang ibu bapa. Bahagian B mengandungi penglibatan ibu bapa, bahagian C mengandungi sokongan sosial. Akhir sekali bahagian D mengandungi kesejahteraan psikologi remaja. Penerangan berkaitan dengan borang soal selidik telah diberikan sebelum responden menjawab soal selidik.

Instrumen Kajian

Penglibatan Ibu Bapa

Instrumen *Parental Involvement* oleh Voydanoff dan Donnelly (1999) telah digunakan untuk mengukur sejauhmana ibu bapa terlibat dalam kehidupan anak mereka. Skala ini sesuai untuk anak yang berumur antara 12 hingga 18 tahun. Terdapat 9 item dalam skala ini yang memerlukan responden menandakan pada pernyataan yang dikemukakan. Antara contoh item adalah “Ibu bapa berbincang dengan guru mengenai kemajuan saya di sekolah”, “Ibu bapa menghadiri mesyuarat yang diadakan di sekolah” dan “Ibu bapa menghadiri karnival sukan sekolah dan aktiviti sekolah yang lain”. Jumlah skor diperolehi berdasarkan kepada bilangan item yang ditandakan oleh responden. Semakin banyak item yang ditandakan, semakin tinggi skor yang diperolehi yang menunjukkan ibu bapa banyak terlibat di dalam kehidupan anak mereka. Koefisien alpha bagi skala ini ialah 0.72.

Sokongan Sosial

Multidimensional Scale of Perceived Social Support (MSPSS) oleh Zimet, Dahlem, Zimet dan Farley (1988) telah digunakan untuk mengukur sokongan sosial dalam kajian ini. Skala ini mengandungi 12 item dengan tiga subskala yang mengukur sokongan yang diterima dari keluarga, rakan-rakan dan orang lain yang signifikan. Setiap subskala mempunyai empat item. Responden dikehendaki menjawab salah satu daripada jawapan yang dikemukakan iaitu dari 1=sangat tidak bersetuju hingga 7=sangat bersetuju. Antara contoh item ialah “Saya mendapat pertolongan emosi dan sokongan yang saya perlu daripada keluarga saya” dan “Saya mempunyai kawan-kawan yang saya boleh berkongsi kegembiraan dan kesedihan saya” Jumlah skor dikira dengan mencampurkan semua skor bagi setiap item yang dikemukakan. Semakin tinggi skor yang diperolehi menunjukkan semakin tinggi sokongan yang diterima oleh responden. Koefisien alpha bagi skala ini ialah 0.70.

Kesejahteraan Psikologi

Ryff's Psychological Well-Being Scales (PWB) oleh Ryff dan rakan-rakan (2004) telah digunakan untuk mengukur kesejahteraan psikologi responden. Skala ini mengandungi enam subskala iaitu autonomi, penguasaan alam sekitar, pembangunan peribadi, hubungan positif, tujuan dalam hidup dan penerimaan diri. Skala ini mengandungi 42 item dimana setiap subskala mempunyai 7 item. Terdapat 22 item positif dan 20 item negatif. Pilihan jawapan adalah dari 1=sangat tidak setuju hingga 6=sangat setuju. Antara contoh item dalam skala ini adalah “Saya mempunyai arah dan tujuan dalam hidup saya”, “Saya cenderung untuk bimbang tentang apa yang orang lain fikirkan tentang saya”. Pengkodan semula dilakukan untuk semua item negatif supaya semakin tinggi skor menunjukkan semakin tinggi tahap kesejahteraan psikologi responden. Koefisien alpha bagi skala ini ialah 0.65.

Hasil Kajian

Latarbelakang Keluarga

Hasil kajian menunjukkan kebanyakan ibu responden terdiri daripada mereka yang berumur antara 30 hingga 40 tahun iaitu seramai 176 (58.7%) orang (purata=40.73, SP=5.26) Manakala sebahagian besar umur bapa responden adalah antara 41 hingga 50 tahun iaitu seramai 145 (48.4%) orang (purata=42.97, SP=5.51). Kebanyakan jumlah pendapatan bulanan ibu adalah kurang daripada RM1000 sebulan iaitu seramai 153 (51.00%) orang. Manakala bagi jumlah pendapatan bulanan bapa pula, kebanyakan bapa responden mempunyai pendapatan bulanan antara RM1000 hingga RM2000 iaitu seramai 207 (69.0%) orang. Hasil kajian mendapati kebanyakan ibu responden mendapat pendidikan sehingga sekolah menengah atas seramai 145 (48.30%) orang dan terdapat seramai 25 (8.30%) orang ibu responden yang memiliki Ijazah Sarjana Muda. Manakala, seramai 119 (36.00%) orang bapa responden mendapat pendidikan sehingga sekolah menengah atas.

Perkaitan antara Latarbelakang dan Kesejahteraan Psikologi Remaja

Jadual 1 menunjukkan wujud perkaitan yang negatif dan signifikan antara umur remaja ($r=-.27$, $p<0.01$). Ini bermaksud semakin meningkat umur remaja, semakin rendah tahap kesejahteraan psikologi mereka. Manakala remaja yang mempunyai ibu ($r=.22$, $p<0.01$) dan bapa ($r=.23$, $p<0.01$) yang berumur didapati mempunyai tahap kesejahteraan psikologi yang tinggi. .

Perkaitan antara Penglibatan Ibu bapa, Sokongan Sosial dan Kesejahteraan Psikologi Remaja

Analisis korelasi Pearson menunjukkan ibu bapa yang banyak terlibat dalam kehidupan anak ($r = .19$, $p<0.01$) mampu meningkatkan kesejahteraan psikologi anak. Namun, sokongan social didapati tidak mempunyai perkaitan yang signifikan dengan kesejahteraan psikologi remaja ($r = -0.07$, $p>0.05$).

Jadual 1: Korelasi antara Latarbelakang Remaja, Penglibatan Ibu bapa, Sokongan Sosial dan Kesejahteraan Psikologi

Variabel	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
1. Umur Remaja	1									
2. Umur Ibu	-.35**	1								
3. Umur Bapa	-.36**	.89**	1							
4. Pendapatan Bulanan Ibu	.30**	-.32**	-.37**	1						
5. Pendapatan Bulanan Bapa	.23**	-.14*	-.15**	.26**	1					
6. Bilangan Tahun Pendidikan Ibu	.34**	-.36**	-.37**	.79**	.26**	1				
7. Bilangan Tahun Pendidikan Bapa	.33**	-.36**	-.35**	.55**	.57**	.73**	1			
8. Penglibatan Ibu Bapa	.22**	-.35**	-.40**	.33**	.23**	.30**	.33**	1		
9. Sokongan Sosial	.34**	-.25**	-.19**	.14*	.11	.18**	.19**	.15**	1	
10. Kesejahteraan Psikologi	-.27**	.22**	.23**	-.07	.01	-.01	-.03	.19**	-.07	1

Nota: *p <.05, **p <.01

Perbezaan Penglibatan Ibu Bapa, Sokongan Sosial dan Kesejahteraan Psikologi antara Remaja Lelaki dan Perempuan

Jadual 2 menunjukkan ujian-t sampel bebas untuk menentukan perbezaan nilai purata penglibatan ibu bapa, sokongan sosial dan kesejahteraan psikologi antara remaja lelaki dan perempuan. Hasil kajian mendapati tidak terdapat perbezaan min skor yang signifikan dalam aspek penglibatan ibu bapa, sokongan sosial dan kesejahteraan psikologi antara remaja lelaki dan perempuan.

Jadual 2: Analisis Ujian-t Bagi Penglibatan Ibu bapa, Sokongan Sosial dan Kesejahteraan Sosial antara Remaja Lelaki dan Remaja Perempuan

Variabel	Jantina		t	p
	Lelaki	Perempuan		
	Purata	Purata		
Penglibatan ibu bapa	16.02	15.89	.97	.34
Sokongan sosial	69.69	70.85	-1.92	.05
Kesejahteraan psikologi	175.48	176.86	-1.59	.11

Prediktor Kesejahteraan Psikologi Remaja

Berdasarkan Jadual 3, keputusan yang diperolehi menunjukkan bahawa keseluruhan model adalah signifikan dengan nilai $R^2 = 0.13$. Model ini menerangkan 13% varians terhadap kesejahteraan psikologi remaja dengan skor $F = 4.77$, $p < 0.001$.

Jadual 3: Analisis Regresi Berganda bagi Kesejahteraan Psikologi Remaja

Variabel	B	β	p
Umur Remaja	-1.59	-.27***	.00
Umur Ibu	.10	.05	.69
Umur Bapa	.19	.10	.43
Pendapatan Bulanan Ibu	-.00	-.04	.73
Pendapatan Bulanan Bapa	.00	.08	.23
Bilangan Tahun Pendidikan Ibu	.41	.17	.24
Bilangan Tahun Pendidikan Bapa	-.06	.01	.96
Penglibatan Ibu Bapa	.28	.19*	.01
Sokongan Sosial	.05	.04	.46

$R^2 = 0.13$
 $F = 4.77*$**

Nota: * $p < 0.05$, *** $p < 0.001$

Keputusan menunjukkan bahawa umur remaja dan penglibatan ibu bapa adalah peramal signifikan terhadap kesejahteraan psikologi remaja. Umur remaja adalah pemboleh ubah yang paling penting dalam mempengaruhi kesejahteraan psikologi remaja ($\beta = 0.19$, $p < 0.05$) dan diikuti oleh penglibatan ibu bapa ($\beta = -0.27$, $p < 0.001$). Dalam erti kata lain, semakin meningkat umur remaja semakin rendah tahap kesejahteraan psikologi mereka. Manakala penglibatan ibu bapa yang tinggi mampu meningkatkan tahap kesejahteraan psikologi remaja.

Perbincangan dan Kesimpulan

Hasil kajian menunjukkan terdapat perkaitan yang positif dan signifikan antara penglibatan ibu bapa dengan kesejahteraan psikologi anak remaja. Hasil kajian ini adalah selari dengan kajian terdahulu) serta) yang mendapati ibu bapa yang banyak terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang

dilakukan oleh anak mampu meningkatkan kesejahteraan psikologi anak (Cripps & Zyromski, 2009; Flouri & Buchanan, 2003). Ibu bapa yang mempunyai penglibatan yang tinggi dengan anak remaja akan mempunyai hubungan yang rapat yang seterusnya mengurangkan masalah sosio-emosi dan tingkah laku anak (Rozumah, Yeng Chiah, & Nor Sheereen, 2012; Siti Nor, Pit Wan, Yeen Woon, 2011). Kajian ini mendapati peningkatan umur remaja menyebabkan tahap kesejahteraan psikologi menurun. Dapatan kajian ini tidak selaras dengan dapatan kajian oleh Glozah (2013) yang mendapati umur remaja tidak mempengaruhi kesejahteraan psikologi remaja.

Data daripada kajian ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan penglibatan ibu bapa, sokongan sosial dan kesejahteraan psikologi antara remaja lelaki dan perempuan. Hasil kajian ini adalah selari dengan hasil kajian yang terdahulu yang dijalankan oleh Sharma dan Khausik (2016) di mana tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara remaja lelaki dan remaja perempuan dalam aspek penglibatan ibu bapa, di mana mereka mendapati bahawa layanan yang diberikan oleh ibu bapa kepada anak mereka adalah adil dan sama rata antara anak lelaki dan perempuan. Hasil kajian ini adalah bertentangan dengan hasil kajian lepas yang telah dijalankan oleh Few (2005) yang mendapati bahawa perempuan memerlukan sokongan sosial yang lebih tinggi berbanding dengan golongan lelaki dalam menyelesaikan masalah. Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh Sharma dan Khausik (2016) yang mendapati bahawa remaja perempuan lebih memerlukan sokongan sosial berbanding dengan remaja lelaki. Selain daripada itu hasil kajian ini selari dengan kajian oleh Shautar (2016) yang mendapati remaja perempuan dan lelaki mempunyai persepsi yang sama terhadap kesejahteraan psikologi.

Terdapat limitasi dalam kajian ini antaranya adalah kajian ini hanya dijalankan di negeri Sabah sahaja. Skop kajian adalah sangat kecil kerana hanya memfokuskan kepada satu negeri sahaja. Oleh yang demikian, kajian seterusnya boleh diperluaskan lagi dengan melibatkan remaja dari semua negeri di dalam Malaysia agar keputusan kajian lebih relevan dan dapat digunakan secara meluas dalam mengkaji hubungan antara penglibatan ibu bapa, sokongan sosial dan juga kesejahteraan psikologi dalam kalangan remaja di Malaysia. Ianya amat berguna di dalam memahami dan mendalami kehidupan seseorang remaja. Seterusnya, kajian ini melibatkan remaja dalam lingkungan umur 13 hingga 16 tahun sahaja. Adalah lebih relevan jika kajian diperluaskan lagi kepada remaja yang berumur 17 hingga 18 tahun atau kepada pelajar-pelajar universiti atau kolej supaya keputusan kajian lebih tepat dan relevan. Akhir sekali, ketepatan keputusan kajian adalah berdasarkan kesediaan remaja dalam menjawab soalan soal selidik dan juga kejujuran remaja dalam menjawab soalan soal selidik yang akan di berikan. Jawapan yang diberikan mungkin tidak tepat dan terdapat unsur pilih kasih dan ianya akan memberi kesan kepada keputusan kajian ini. Kesimpulannya, penglibatan ibu bapa amat penting dalam mempengaruhi kesejahteraan psikologi remaja.

Rujukan

- Amato, P. R. (1994). Father-child relations, mother-child relations, and offspring psychological well-being in early adulthood. *Journal of Marriage and Family*, 56, 1031–1042.
- Calvete, H. & Connor-Smith, J.K. (2006). Perceived social support, coping, and symptoms of distress in American and Spanish students. *Anxiety, Stress, and Coping*, 19(1), 47 – 65.
- Cripps, K., & Zyromski, B. (2009). Adolescents' psychological well-being and perceived parental involvement: Implications for parental involvement in middle schools. *RMLE Online: Research in Middle Level Education*, 33(4), 1-13.

- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (2000). The “what” and “why” of goal pursuits: Human needs and the self-determination of behavior. *Psychological Inquiry*, 11(4), 227–268.
- Dwairy, M., Achoui, M., Filus, A., Nia, P. R., Casullo, M. M., & Vohra, N. (2010). Parenting, mental health and culture: A fifth cross-cultural research on parenting and psychological adjustment of children. *Journal of Child and Family Studies*, 19(1), 36–41.
- Eskin, M. (2003). Self-reported assertiveness in Swedish and Turkish adolescents: A cross-cultural comparison. *Scandinavian Journal of Psychology*, 44, 7–12.
- Few, A. L. (2005). The voices of Black and White rural battered women in domestic violence shelters. *Family Relations*, 54, 488–500.
- Flouri, E., & Buchanan, A. (2003). The role of father involvement and mother involvement in adolescents’ psychological well-being. *British Journal of Social Work*, 33, 399–406.
- Glozah, F. N. (2013). Effects of academic stress and perceived social support on the psychological wellbeing of adolescents in Ghana. *Open Journal of Medical Psychology*, 2, 143–150
- Lakey, B., & Cohen, S. (2000). Social support theory and measurement. In Cohen, S., Underwood, L. G., & Gottlieb, B. H. (Eds.), *Social support measurement and interventions: A guide for health and social scientists*. New York: Oxford.
- Perez, J. A. (2012). Gender difference in psychological well-being among Filipino college students samples. *International Journal of Humanities and Social Science*, 2(13), 84–93
- Roeser, R. W., Eccles, J. S., Sameroff, A. J. (2000). School as a context of early adolescents’ academic and social-emotional development: A summary of research findings. *The Elementary School Journal*, 100, 443–471.
- Rozumah, B., Yeng Chiah, W, Nor Shereen, Z. (2012). Perceived paternal and maternal attachment and social emotional adjustments among early adolescents. *International Journal of Asian Social Science*, 2(12), 2114–2127.
- Ryff, C., Singer, B. & Love, G. (2004). Positive health: Connecting well-being with biology. *Philosophical Transactions of the Royal Society B: Biological Sciences*, 359, 1383–1394, ISSN 0962-8436.
- Sharma, M. & Kaushik, N. (2016). Parental involvement, psychological distress, perceived social support, coping strategy, and happiness of school going adolescent. *International Journal of Social Impact*, 1, 2455–670.
- Shautar, S. A. (2016). Psychological wellbeing and self confidence among adolescence. *Research Guru*, 10(3), 48–59.
- Siti Nor, Y., Pit Wan, P & Yen Woon, K (2011). Father-son relationship and problem behaviours among male adolescents. *Man and Society*, 20, 114–127.
- Steese, S., Dollete, M, Phillips, W. Hossfeld, E., Matthews, G. & Taormina, G. (2006). Understanding girls’ circle as an intervention on perceived social support, body image, self-efficacy, locus of control and self-esteem. *Adolescence*, 41(161), 55–74
- Steinberg, L. (2001). We know some things: Parent-adolescent relationships in retrospect and prospect. *Journal of Research on Adolescence*, 11, 1–19.
- Voydanoff, P. & Donnelly, B.W. (1999). Risk and protective factors for psychological adjustment and grades among adolescents. *Journal of Family Issues*, 20, 328–349.
- Zimet, G. D., Dahlem, N. W., Zimet, S. G. & Farley, G. K. (1988). The multidimensional scale of perceived social support. *Journal of Personality Assessment*, 52, 30–41.